

# MAKLUMAN PEMBUKAAN PERMOHONAN SKIM GERAN ENVIRONMENTAL AND SOCIAL SUSTAINABILITY GRANT (ESSG) TAHUN 2024

salamualaikum w.b.t & Salam Sejahtera

YBhg. Prof. Dato' Dr./Prof. Dr./Prof. Madya Dr./Dr.,

## **MAKLUMAN PEMBUKAAN PERMOHONAN SKIM GERAN ENVIRONMENTAL AND SOCIAL SUSTAINABILITY (ESSG) TAHUN 2024**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan Skim *Geran Environmental and Social Sustainability Grant (ESSG)* bagi Tahun 2024 akan dibuka bermula pada **07 Julai 2024**. Bidang keutamaan geran ESSG adalah seperti mana berikut:

- a. Tiada Kemiskinan / *No poverty (SDG 1)*
- b. Sifar kelaparan / *Zero Hunger (SDG 2)*
- c. Tindakan Iklim / *Climate Action (SDG 13)*
- d. Kehidupan di Bawah Air / *Life Below Water (SDG 14)*
- e. Kehidupan di Darat / *Life On Land (SDG 15)*
- f. Perkongsian untuk Matlamat / *Partnership for the Goals (SDG 17)*
- g. Teknologi komunikasi maklumat (tenaga dan perubahan iklim/sisa/air/pengangkutan) / *Information communication technology (ICT) (energy and climate change/waste/water/transportation)*.

3. Sehubungan itu, ahli akademik UMT adalah dialu-alukan untuk membuat persediaan proposal bagi permohonan geran seperti yang dinyatakan mulai **07 Julai 2024 hingga 30 Julai 2024**. Dilampirkan bersama-sama ini borang Permohonan ESSG, bahan rujukan SDGs dan Garis Panduan ESSG sebagai rujukan YBhg. Prof. Dato' Dr./Prof. Dr. /Prof. Madya Dr/Dr. semua.

4. Untuk makluman, Pihak PPL akan mengadakan satu taklimat Permohonan ESSG seperti ketetapan maklumat berikut:

**Tarikh : 22 Julai 2024 | Khamis**  
**Masa : 11.00 Pagi**  
**Tempat : Dewan Persidangan 2, UMTCC**  
**Penceramah : Prof. Madya Dr. Chia Poh Wai**  
**Ketua Pusat**  
**Pusat Pengurusan Lestari (PPL) UMT**

5. Sehubungan itu, pihak kami berbesar hati untuk menjemput YBhg. Dato' /Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan untuk menyertai program ini. Sekiranya YBhg. Dato'/Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, YBhg. Dato'/Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi Encik Mohamad Jamil Rasyidi bin

Mohd Ramlan di talian 09-668 3433. Kerjasama YBhg. Prof. Dato' Dr./Prof. Dr. /Prof. Madya Dr/Dr. adalah dimohon untuk **mematuhi syarat permohonan seperti yang ditetapkan di dalam Garis Panduan.**

6. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Prof. Dato' Dr./Prof. Dr./Prof. Madya Dr/Dr dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Pusat Pengurusan Lestari  
Universiti Malaysia Terengganu